

SELASA, 5 JULAI 2011

## Pemandu pelancong digantung

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF  
[utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)

KUANTAN 4 Julai - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap seorang pemandu pelancong selepas didapati bersalah kerana mengedarkan ganja seberat 895.08 gram pada tahun lalu.

Lokman Borhan, 54, disabitkan dengan kesalahan mengedarkan dadah itu di rumahnya di No. 11 Lorong Kubang Buaya 47, Taman Kubang Buaya di sini, pada pukul 9.20 malam, 7 Ogos 2010.

Dia dituduh mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Lokman turut didapati bersalah memiliki lima peket plastik lutsinar mengandungi 22.39 gram ganja pada waktu, tarikh dan tempat yang sama.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 6 akta sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(1) akta tersebut, lelaki itu dihukum penjara empat tahun bermula dari tarikh tangkapan.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mariana Yahya menjatuhkan hukuman tersebut setelah mendapati pihak pembelaan gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Tertuduh diwakili oleh peguam bela, Datuk Mohamad Shariff Abu Samah, manakala pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Fadhli Mahmud.



Lokman Borhan dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Kuantan, semalam setelah didapati bersalah mengedarkan ganja seberat 895.08 gram. - BERNAMA